

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HKN 203 Puisi Melayu dan Indonesia Moden

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam LAPAN (8) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan daripada tiap-tiap Bahagian A dan B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan**

1. "Usman Awang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan perpuisian tanahair.... Saya kira kebanyakan kita bersetuju bahawa bangsa kita berbangga memiliki penyair bernama Usman Awang." Rahman Shaari dalam Kata Pengantar Salam Benua.

Bincangkan pendapat tersebut dengan hujah-hujah yang bernas.

2. Bincangkan pokok persoalan yang terdapat di dalam sajak-sajak "Protes" pada tahun 1960-an. Perbincangan saudara seboleh-bolehnya hendaklah tertumpu kepada Antologi Keranda 152 dan Telok Gong.

3. **SAMA ADA**

[a] Bincangkan sifat-sifat intelektual Muhammad Haji Salleh seperti yang diperlihatkannya di dalam kumpulan sajak Kalau, Atau dan Maka.

**ATAU**

[b] Bincangkan nasib kaum wanita seperti yang disuarakan oleh Zaihasra di dalam Balada Tun Fatimah.

.../2

4. Kaji dengan teliti sajak "di bawah kota ini" karya A. Latiff Mohidin dan sajak "Kirikanan" karya A. Gafar Ibrahim yang dilampirkan, kemudian bandingkan kekuatan isi dan keberkesanan nilai keindahannya.

**BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan**

5. Puisi Amir Hamzah kebanyakannya berunsur agama, justeru itu beliau sering disifatkan sebagai seorang penyair mistik. Setujukah anda? Berikan jawapan dengan hujah-hujah yang kukuh.
6. Bincangkan perkembangan sajak Indonesia pada tahun 1950 hingga 1965. Perbincangan anda hendaklah tertumpu kepada karya-karya beberapa orang tokoh penting zaman itu.
7. Berdasarkan kajian yang telah anda lakukan ke atas kumpulan sajak **Peta Perjalanan** karya Sitor Situmorang bincangkan pokok pemikiran yang terdapat di dalamnya.
8. Berdasarkan sajak "Bersatulah Pelacur-Pelacur Kota Jakarta" yang dilampirkan, tunjukkan kekuatan struktur yang terdapat pada puisi-puisi W.S. Rendra.

LAMPIRAN

KIRIKANAN

kirikanan  
kirikanan  
kirikanan

kerana kiri	menentang kanan
kerana kanan	menentang kiri
ada kiri baru	menentang kiri lama
ada kanan baru	menentang kanan lama
ada yang kiri	menentang kiri yang kiri
ada yang kanan	menentang kanan yang kanan
kiri ke kiri	kanan ke kanan
kanan ke kiri	kiri ke kanan
ada kiri kerana kawan	ada kanan kerana lawan
ada kiri tengok lawan	ada kanan tengok kawan
ada kiri kerana muda	ada kanan kerana tua
ada kiri kerana zaman	ada kanan kerana bertahan
kiri ke kiri	kanan ke kanan
kanan ke kiri	kiri ke kanan
kiri sama kiri	tak semua setuju
kanan sama kanan	tak semua sejalan
kadang-kadang benci kiri	tak tahu kenapa
kadang-kadang suka kanan	menunggu-nunggu sebenarnya
kadang-kadang dua kali lima	lima kali dua
kiri ke kiri	kanan ke kanan
kanan ke kiri	kiri ke kanan

kanankiri  
kanankiri  
kanankiri  
kanankiri  
kanankiri  
kanankiri

Taheran  
A. Gafar Ibrahim

dibawah kota itu  
(*sebuah cerita*)

ya  
kami  
merasa  
cukup bahagia  
dan suatu hari  
kami tibatiba jadi  
rindu entah bagaimana  
pada segar warna bunga  
bagaimanapun  
dibawah  
kota itu  
diciptakan  
sebuah taman  
penuh kembangan  
yang harum dan indah  
tidak ingat lagi nama bunganya  
bagaimanapun ditengahtengah taman itu  
ada sebuah pancuran yang tidak berhentihenti  
mengalir dengan halusnyamelengkung bagai pelangi  
dan disekeliling pancuran itu didirikan pula  
sebuah bangunan makmal dimana  
dikumpulkan setiap tumbuhan  
yang pernah dicipta  
supaya dapat  
dipadankan  
warnanya  
hingga  
ya  
kami  
merasa  
cukup bahagia  
dan suatu hari  
kami tibatiba jadi  
rindu entah bagaimana  
pada irama muzik asli  
bagaimanapun  
dibawah  
pancuran itu  
diciptakan pula  
sebuah padang luas  
disanalah berkumandang  
muzik yang merdu dan indah  
tidak ingat lagi nama iramanya  
bagaimanapun ditengahtengah padang itu  
ada sebuah cermin bulat yang tidak berhenti  
berputar kemudian berkelip dengan cukup perlahan  
dan disekeliling cermin itu didirikan pula  
sebuah bangunan makmal dimana  
dikumpulkan setiap bunyian

yang pernah dicipta  
supaya dapat  
dipadankan  
iramanya  
hingga  
ya  
kami  
merasa  
cukup bahagia  
dan suatu hari

A. Latif Mohidin

## **BERSATULAH PELACUR-PELACUR KOTA JAKARTA**

**PELACUR-PELACUR** kota Jakarta  
dari klas tinggi dan klas rendah  
telah diganyang  
telah diharu-biru  
Mereka kecut  
keder  
terhina dan tersipu-sipu

Sesalkan mana yang mesti kau sesalkan.  
Tapi jangan kau klewat putus asa.  
Dan kaurelakan dirimu dibikin korban.

Wahai, pelacur-pelacur kota Jakarta.  
Sekarang bangkitlah  
Sanggul kembali rambutmu.  
Kerana setelah menyesal  
datanglah kini giliranmu  
bukan untuk membela diri melulu  
tapi untuk lancarkan serangan.  
Kerna:  
Sesalkan mana yang mesti kau sesalkan  
tapi jangan kaurela dibikin korban.

Sarinah.  
Katakan kepada mereka  
bagaimana kau dipanggil ke kantor mentri  
bagaimana ia bicara panjang lebar kepadamu  
tentang perjuangan nusa bangsa  
dan tiba-tiba tanpa ujung pangkal  
ia sebut kau inspirasi revolusi  
sambil ia buka kutangmu.

Dan kau, Dasima.  
Kabarkan kepada rakyat  
bagaimana para pemimpin revolusi  
secara bergiliran memelukmu  
bicara tentang kemakmuran rakyat dan api revolusi  
sambil celananya basah  
dan tubuhnya lemes  
terkapai di sampingmu.  
Ototnya keburu tak berdaya.

Politisi dan pegawai tinggi  
adalah caluk yang rapi.  
Kongres-kongres dan konperensi  
tak pernah berjalan tanpa kalian.  
Kalian tak pernah bisa bilang 'tidak'  
lantaran kelaparan yang menakutkan  
kemiskinan yang mengekang  
dan telah lama sia-sia cari kerja.  
Ijazah sekolah tanpa guna.

Para kepala jawatan  
akan membuka kesempatan  
kalau kau membuka paha.  
Sedang di luar pemerintahan  
perusahaan-perusahaan macet  
lapangan keraja tak ada.---  
Revolusi para pemimpin  
adalah revolusi dewa-dewa.  
Mereka berjuang untuk sorga  
dan tidak untuk bumi.  
Revolusi dewa-dewa  
tak pernah menghasilkan  
lebih banyak lapangan kerja  
bagi rakyatnya.  
Kalian adalah sebagian kaum penganggur  
yang mereka ciptakan.  
Namun  
sesalkan mana yang mesti kau sesalkan  
tapi jangan kau klewat putus asa  
dan kaurela dibikin korban.

Pelacur-pelacur kota Jakarta.  
Berhentilah tersipu-sipu.  
Ketika kubaca di koran  
bagaimana badut-badut mengganyang kalian  
menuduh kalian sumber bencana negara  
aku jadi murka.  
Kalian adalah temanku  
Ini tak bisa dibiarkan  
Astaga.  
Mulut-mulut badut.  
Mulut-mulut yang latah.  
Bahkan sex mereka perpolitikkan.

Saudari-saudariku.  
Membubarkan kalian  
tidak semudah membubarkan partai politik.  
Mereka harus beri kalian kerja.  
Mereka harus pulihkan drajat kalian.  
Mereka harus ikut memikul kesalahan.

Saudari-saudariku. Bersatulah.  
Ambillah galah.  
Kibarkan kutang-kutangmu di ujungnya.  
Araklah keliling kota  
sebagai panji-panji yang telah mereka nodai.  
Kinilah giliranmu menuntut.  
Katakanlah kepada mereka:  
Menganjurkan mengganyang pelacuran  
tanpa menganjurkan  
mengawini para bekas pelacur  
adalah omong kosong.

Pelacur-pelacur kota Jakarta.  
Saudari-saudariku.  
Jangan melulu keder pada lelaki.  
Dengan mudah  
kalian bisa telanjangi kaum palsu.  
Naikkan taripmu dua kali  
dan mereka akan klabakan.  
Mogoklah satu bulan  
dan mereka akan puyeng  
lalu mereka akan berzina  
dengan isteri saudaranya.

W.S. Rendra

-ooo000ooo-